

HARI : SABTU  
TARIKH : 13/7/2019  
M/SURAT : 3

## Harga RON97 naik 4 sen

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 bagi tempoh 13 hingga 19 Julai, naik empat sen kepada RM2.57 seliter mulai tengah malam tadi, manakala RON95 dan diesel, masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit RON95 dan diesel bagi tempoh itu, masing-masing sepatutnya RM2.27 dan RM2.29 seliter.

"Ia selaras keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat."

"Anggaran subsidi perlu ditanggung kerajaan dalam tempoh itu berjumlah RM114.06 juta," katanya.